

PERKEMBANGAN PERANAN PEMBESAR DI PAHANG: TINJAUAN AWAL MELALUI PENDEKATAN PENSEJARAHAN PERUNDANGAN

THE EVOLUTION OF THE ROLE OF THE PAHANG CHIEFTAINS: A PRELIMINARY REVIEW THROUGH THE HISTORICO-LEGAL APPROACH

**NUR MOHD IQZUAN SAMSUDIN¹, NUR FATIN IZZATI AHMAD SHUKRI¹,
MARINA ABDUL MANAP¹, FATHIN SHAHIRAH ABD RAHIM¹,
NUR RABIATUL ADAWIAH ABDUL RAHMAN¹,
ZURAIDAH HASSAN² & ABD AZIZ A'ZMI³**

¹Fakulti Undang-Undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia.

²Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Melaka,

Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia.

³Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia.

Corresponding author: iqzuan@unimel.edu.my

Received: 16th October 2025 Accepted: 19th November 2025

Abstrak

Kajian ini meneliti perkembangan peranan pembesar di Pahang merentasi tiga fasa utama sejarah iaitu fasa pra-kolonial, kolonial dan pasca-kolonial dengan menggunakan pendekatan pensejarahan perundangan (*historico-legal*). Kajian sedia ada masih bersifat deskriptif dan belum menghubungkan perubahan peranan pembesar secara sistematik dengan instrumen perundangan yang membentuknya. Berasaskan metodologi *historico-legal* ini yang menggabungkan sejarah perundangan dalaman dan luaran, objektif kajian ini ialah untuk menganalisis sumber primer seperti Hukum Kanun Pahang, Perjanjian 1887, Perjanjian 1888, Persetiaan Persekutuan 1895 serta rekod pentadbiran kolonial bagi mengenal pasti faktor perundangan yang secara langsung mencorakkan transformasi institusi pembesar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penghakisan kuasa dan peranan pembesar bukan berlaku secara semula jadi atau melalui proses sosio-politik semata-mata, tetapi melalui satu siri tindakan perundangan yang disengajakan dan disahkan secara *de jure*, khususnya setelah pengenalan Sistem Residen British. Klausula pengecualian agama dan adat dalam Perjanjian 1888 dikenal pasti sebagai alat strategik untuk mengasingkan Islam dan adat Melayu daripada domain pentadbiran kerajaan, seterusnya menyingkirkan pembesar daripada kuasa fiskal, kehakiman dan eksekutif. Walaupun demikian, sistem pembesar tidak terkubur. Sebaliknya ia diserapkan ke dalam struktur kolonial melalui proses *functional co-optation* dan kekal memainkan fungsi adat, istiadat dan wibawa diraja dalam era moden. Artikel ini mencadangkan rangka pembaharuan peranan pembesar yang lebih selari dengan keperluan semasa seperti upaya adaptasi dan mitigasi impak perubahan iklim, termasuk integrasi peranan pembesar sebagai penghubung komuniti dalam proses perancangan pihak berkuasa tempatan. Kajian ini menyimpulkan bahawa institusi pembesar masih mempunyai nilai strategik dalam tadbir urus moden apabila dianalisis melalui kerangka *historico-legal* dan jurisprudens Islam. Kajian ini mengisi jurang penting dalam literatur dengan menelusuri hubungan sebab-akibat antara undang-undang, kuasa, dan perkembangan peranan pembesar secara komprehensif.

Kata kunci: Peranan Pembesar, Pahang, Pensejarahan Perundangan, Perubahan Iklim.

Abstract

*This study examines the evolution of the roles of the *pembesar* (chieftains) in Pahang across three major historical phases — pre-colonial, colonial, and post-colonial — using the historico-legal approach. Existing scholarship remains largely descriptive and has yet to systematically connect the changing roles of the *pembesar* with the legal instruments that shaped them. Based on this historico-legal methodology, which integrates both internal and external legal history, the objective of this study is to analyse primary sources such as the *Hukum Kanun Pahang*, the *Treaties of 1887 and 1888*, the *1895 Federation Agreement*, as well as colonial administrative records, to identify the legal factors that directly influenced the transformation of the *pembesar* institution. The findings reveal that the erosion of the *pembesar*'s powers and functions did not occur naturally or solely through socio-political processes, but rather through a series of deliberate legal actions that were formally sanctioned, particularly following the introduction of the British Residential System. The religious and customary exemption clause in the 1888 Treaty is identified as a strategic tool used to separate Islam and Malay custom from the domain of governmental administration, thereby removing the *pembesar* from fiscal, judicial, and executive authority. Nevertheless, the *pembesar* institution did not disappear. Instead, it was absorbed into the colonial structure through a process of functional co-optation and continued to play roles related to custom, ceremony, and royal prestige in the modern era. This article proposes a framework to reform and revitalise the role of the *pembesar* in ways that align with contemporary needs, including climate change adaptation and mitigation, such as integrating the *pembesar* as community intermediaries in local authority planning processes. The study concludes that the *pembesar* institution retains strategic value in modern governance when analysed through the historico-legal lens and Islamic jurisprudence. It fills an important gap in the literature by tracing the causal relationship between law, power, and the development of the *pembesar*'s role in a comprehensive manner.*

Keywords: *Role of Pembesar, Pahang, Historico-Legal Approach, Climate Change.*

PENDAHULUAN

Sistem pemerintahan di Malaysia secara umum telah berjaya mengekalkan keunikannya sebagai sebuah sistem hibrid yang tidak terikat sepenuhnya kepada model Westminster (Tuanku Jaafar 2024). Walaupun kerangka perlembagaan moden memperlihatkan beberapa elemen asas sistem demokrasi berparlimen British, realiti pentadbiran di Malaysia, khususnya di negeri-negeri Melayu, turut memperlihatkan kesinambungan institusi-institusi tradisional yang bertunjangkan sejarah, adat dan kuasa politik tempatan (Samsudin 2022). Keunikan ini membuka ruang untuk memahami pemerintahan bukan sahaja melalui lensa struktur makro seperti kerajaan persekutuan atau negeri, tetapi juga melalui dinamika mikro yang membentuk identiti kenegaraan setempat. Negeri Pahang, sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai sejarah politik yang panjang, turut menampilkan ciri pemerintahan dualistik ini—gabungan antara elemen berpusat (*centralised*) dan bersifat setempat (*localised*).

Sistem pemerintahan tradisional Pahang telah melalui proses evolusi yang kompleks, berpunca daripada interaksi faktor politik, ekonomi, sosial dan perundangan yang saling mempengaruhi sepanjang tempoh sejarahnya (Adil 1972; Ahmad 2024). Evolusi ini tidak berlaku secara linear, sebaliknya terbentuk melalui siri peristiwa dan transformasi struktur kuasa yang menjadikan institusi pemerintahan Pahang bersifat adaptif dan berlapis-lapis (Thio 1957). Dalam konteks ini, peranan para *pembesar* sebagai aktor politik setempat menjadi aspek mikro yang penting untuk dianalisis. Ini kerana *pembesar* bukan sekadar pegawai istana, tetapi berfungsi sebagai pemegang mandat pemerintahan yang sah dalam menjalankan kuasa pentadbiran, kehakiman dan keselamatan bagi pihak Sultan (Abd Jalal et al. 2022). Justeru, kajian terhadap institusi *pembesar* membuka ruang untuk memahami bagaimana kuasa politik diagihkan, dijalankan dan disusun semula dalam sejarah pemerintahan Pahang.

Objektif kajian ini untuk menganalisis perkembangan sistem *pembesar* di Pahang melalui penelitian perubahan peranan, hierarki dan autoriti mereka merentas tiga fasa utama sejarah iaitu pra-kolonial, kolonial dan pasca-kolonial. Dengan mengangkat *pembesar* sebagai unit analisis mikro, kajian ini berusaha mendedahkan bagaimana institusi ini dibentuk, diubah dan ditakrifkan semula melalui instrumen-instrumen perundangan, perjanjian politik dan perubahan struktur pentadbiran. Metodologi pensejarahan perundangan (*historico-legal*) dipilih sebagai pendekatan utama kajian bagi

memastikan dapatan yang diperoleh mempunyai ketepatan akademik dan berpijak kepada sumber perundangan yang sahih. Pendekatan ini membolehkan penyelidikan menjejak hubungan sebab-akibat antara perubahan undang-undang dengan perkembangan institusi pembesar, serta menilai bagaimana peristiwa sejarah membentuk realiti perundangan yang mengikat perkembangan peranan para pembesar.

Hipotesis awal kertas ini mengandaikan bahawa institusi pembesar Pahang, meskipun telah melalui cabaran sejarah dan perubahan perundangan yang besar dalam setiap era, tetap berfungsi sebagai peneguh kepada institusi beraja dan adat istiadat Melayu. Ketahanan institusi ini dapat dilihat melalui kemampuan pembesar untuk terus mengekalkan legitimasi sosial walaupun peranan mereka mengalami pengurangan kuasa yang ketara terutama sekali selepas kemasukan sistem Residen British. Namun, pembaharuan fungsi mereka dalam era moden menunjukkan bahawa institusi ini tidak luput, sebaliknya mengalami penyesuaian semula sesuai dengan kerangka Perlembagaan Persekutuan dan keperluan masyarakat kontemporari.

Dalam konteks semasa, analisis terhadap peranan pembesar turut menjadi signifikan apabila wacana tadbir urus negeri melibatkan isu-isu kontemporari seperti alam sekitar, perubahan iklim dan pengurusan sumber asli. Isu-isu ini memperlihatkan ciri dualistik yang sama seperti pemerintahan Pahang—bersifat makro dan mikro, berpusat dan setempat. Pembesar sebagai institusi setempat berpotensi memainkan peranan lebih aktif dalam menangani isu-isu ini kerana kedudukan mereka sebagai penghubung antara masyarakat dan institusi pemerintahan negeri. Oleh itu, kajian ini berhujah bahawa memahami perjalanan *historico-legal* institusi pembesar bukan sahaja penting untuk menilai kesinambungan sejarah politik Melayu, tetapi juga untuk menilai kebolehan institusi tradisional ini dalam mendepani cabaran kontemporari.

Keseluruhannya, pendahuluan ini membentuk landasan bagi perbincangan yang lebih mendalam mengenai perkembangan peranan pembesar Pahang. Dengan mengekalkan tumpuan kepada aspek mikro dalam kerangka pemerintahan yang lebih luas, makalah ini berharap dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih tepat mengenai kedudukan pembesar sebagai aktor penting dalam sejarah dan realiti politik negeri Pahang.

SOROTAN LITERATUR

Fasa Pra-Kolonial

Kajian mengenai peranan pembesar Pahang pada era prakolonial kurang menekankan pendekatan pensejarahan-perundangan (*historico-legal*), meskipun sumber kolonial, hikayat istana dan penulisan sarjana tempatan menyediakan gambaran asas tentang struktur pemerintahan tradisional negeri tersebut. Kebanyakan kajian terdahulu bersifat deskriptif dan lebih menekankan sejarah politik atau susunan hierarki pemerintahan tanpa meneliti bagaimana kerangka hukum adat membentuk autoriti pembesar. Sumber primer utama, iaitu *Hukum Kanun Pahang* (HKP), yang menjadi perlembagaan negeri semasa Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Syah (1592–1614) (Abd Jalil 2002), jarang dianalisis sebagai dokumen perundangan yang menentukan bidang kuasa pemerintahan.

Walaupun HKP secara eksplisit menyenaraikan struktur kuasa dan peranan pembesar seperti Mangkubumi, Bendahari, Temenggung, Hulubalang, Syahbandar dan Menteri (Fang 2013, Abdul Halim & Asma Hakimah 2019). Kebanyakan kajian termasuk Isa (2003) dalam Muslim (2024), menghuraikan fungsi pembesar tanpa menilai asas perundangan yang mengesahkan kedudukan tersebut. Begitu juga kajian oleh Linehan (1936), Siti Hawa Salleh (1992), Ahmad Ibrahim (1985), Noor Inayah Yaakub (2007), Zulkifli Hasan (2012) dan Ahmad Jelani Halimi (2008) yang mengakui HKP sebagai reformasi hukum tetapi kurang membedah fasal perundangan yang membentuk bidang kuasa pembesar dalam konteks pengadilan, muamalat atau jenayah. Analisis oleh Zainal Abidin (2008), Shaharir (2013) dan Nurliana et al. (2020) juga lebih menonjolkan dimensi kepimpinan, hubungan kuasa dan struktur sosial tanpa menilai pelaksanaan undang-undang oleh pembesar secara sistematik.

Sarjana Barat seperti Winstedt (1935) dan Blagden (1951) menekankan hierarki kesetiaan dan legitimasi diraja tetapi kurang mengupas interaksi adat dan syarak dalam HKP. Penulisan moden seperti Badli Shah (2024), Nizamuddin et al. (2022), Nazri et al. (2024) dan Badli Syah (2024) pula lebih memfokuskan kepada aspek politik, ekonomi, ketenteraan dan *fiqh* Syafi'i tanpa menilai peranan pembesar sebagai agen pelaksana undang-undang. Oleh itu, meskipun wujud banyak kajian mengenai pembesar Pahang, pendekatan *historico-legal* masih terpinggir dan kajian yang menilai kuasa pembesar melalui analisis teks perundangan, adat dan legitimasi politik masih diperlukan bagi memahami struktur pemerintahan prakolonial secara lebih mendalam.

Fasa Kolonial

Sorotan literatur menunjukkan bahawa wacana tentang institusi pembesar Pahang masih terpecah-pecah daripada segi tema dan pendekatan. Literatur sedia ada juga kebanyakannya masih bersifat deskriptif-sosiologis atau penayangan awal kepada fenomena sosial setempat dan belum menelusuri secara mendalam bagaimana jurang peranan pembesar itu terbentuk melalui proses dan instrumen perundangan yang konkrit.

Korpus klasik seperti karya W. Linehan (1926, 1936), Buyong Adil (1972), Aruna Gopinath (1991), Ahmad (2024), Hussin dan Nordin (2025) pula menyediakan rangka kronologi yang kaya tentang pembesar, perang saudara, pemberontakan Pahang serta struktur pentadbiran kolonial. Begitu juga kajian filologi dan perundangan terhadap Qanun Pahang yang menekankan asas syariah dalam kod undang-undang negeri (El-Muhammady & Ab Halim 2019). Namun, karya-karya ini lazimnya membahaskan dokumen seperti Qanun Pahang dan Perjanjian 1888 sebagai latar sejarah atau teks normatif, bukan sebagai jalinan perundangan yang menjelaskan proses pemindahan mandat kuasa perundangan para pembesar secara sistematik.

Di satu sisi lain, kajian sedia ada mengenai pembesar sering memfokuskan transformasi mereka kepada tokoh istiadat dan upacara rasmi, ahli majlis penasihat adat atau birokrat bergaji (Alauddin 2024; Gopinath 1991). Analisis ini menonjolkan perubahan peranan selepas kemasukan Pahang ke dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan pemusatan kuasa di bawah Residen-Jeneral serta pegawai daerah Eropah. Walau bagaimanapun, hubungan langsung antara peruntukan-peruntukan undang-undang kolonial seperti klausa pengecualian agama dan adat dalam Perjanjian 1888 dengan pengosongan kuasa fiskal, kehakiman dan eksekutif pembesar tidak dihuraikan secara mendalam menggunakan sebarang kerangka jurispruden yang sesuai.

Fasa Pasca-Kolonial

Selepas Hari Merdeka, sistem pembesar di Negeri Pahang mengalami transformasi ketara selari dengan pengukuhan sistem Raja Berperlembagaan. Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang 1959 mengekalkan kedudukan Sultan sebagai Ketua Negeri dan Ketua Agama Islam, manakala kuasa pentadbiran negeri diperincikan agar selaras dengan Perlembagaan Persekutuan khususnya Senarai II Jadual Kesembilan yang memperuntukkan hal ehwal Islam dan adat Melayu di bawah kuasa kerajaan negeri (Abdul Majid 2023).

Para pembesar Pahang pula menyesuaikan diri dengan sistem pentadbiran moden. Ketika kuasa eksekutif dilaksanakan oleh Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, pembesar kekal memainkan fungsi adat, istiadat dan penasihat tidak rasmi kepada Sultan. Pembentukan jabatan-jabatan negeri menggambarkan pembirokrasian pentadbiran di mana pegawai tadbir dilantik melalui perkhidmatan awam dan bukan lagi melalui perwarisan (Ibrahim 2011). Pemisahan antara pembesar tradisional dan kerajaan pilihan rakyat turut mengubah bagaimana kuasa diagihkan. Walaupun demikian, hubungan tradisi dan politik kekal wujud seperti pelantikan Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shahbandar, sebagai Menteri Besar (1955–1957) (Maidin 1997). Selepas 1957, pembesar hanya boleh menjalankan peranan eksekutif jika dipilih melalui pilihan raya. Peranan mereka beralih kepada pemelihara adat, penasihat istiadat dan simbol wibawa diraja selaras tertib dan kerukunan perlembagaan negeri.

Walaupun pentadbiran negeri dijalankan kerajaan yang dipilih secara demokratik, pembesar kekal penting sebagai pelengkap sistem Raja Berperlembagaan dan penjaga tradisi (Ahmad 2016). Mereka mengetuai upacara adat pada peringkat daerah, mewakili Sultan semasa berhalangan dan memastikan urusan istiadat dilaksanakan dengan tertib. Mereka juga menjadi saluran komunikasi dua hala antara istana dan masyarakat, menyampaikan titah diraja serta menyalurkan suara rakyat (Adnan et al. 2021). Peranan ini memperkukuh perpaduan sosial dan memastikan adat serta syariat Islam dipelihara dalam rangka perundangan negeri. Walaupun nasihat rasmi kepada Raja kini ditentukan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri seperti diperuntukkan dalam Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan dan Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang, nasihat adat oleh pembesar dikekalkan sebagai elemen simbolik yang meneguhkan integriti institusi diraja (Md Pauzi et. al. 2014).

Jelas bahawa evolusi sistem pembesar pasca merdeka menunjukkan penyesuaian institusi tradisional dalam kerangka moden, berkembang daripada pemegang kuasa wilayah kepada penjaga adat, simbol kehormatan dan penghubung antara pemerintahan beraja dan rakyat dalam ekosistem perlembagaan negara (Ibrahim 2011; Alaudin 2024).

Literatur sedia ada telah menayangkan perkembangan peranan pembesar yang telah ditelusuri pada bahagian ini melalui tiga fasa penting. Namun, masih terdapat jurang kajian yang jelas terzahir iaitu ketiadaan kajian yang secara eksplisit dan berterusan menggunakan kaedah *historico-legal* untuk menghubungkan ketiga-tiga fasa bagi menjelaskan bagaimana pembesar berubah daripada pelaksana bidang kuasa tradisional kepada institusi berperanan hampir eksklusif dalam ruang lingkup agama dan adat bersifat istiadat dan upacara rasmi semata-mata.

METODOLOGI

Kaedah pensejarahan perundangan (*historico-legal*) adalah satu pendekatan rentas disiplin yang melangkaui sempadan kajian undang-undang doktrinal, yakni kajian yang berasaskan teks undang-undang semata-mata dan kajian sejarah konvensional, yakni kajian yang hanya memberi tumpuan terutamanya kepada peristiwa, tokoh dan faktor sosial, politik atau ekonomi (Ibbetson 2005). Ia tidak memadai dengan hanya mengetahui "apa itu undang-undang" pada satu-satu masa, tetapi berusaha untuk memahami bagaimana dan mengapa undang-undang itu wujud, bagaimana ia berfungsi dalam amalan dan apakah kesannya terhadap masyarakat.

Bagi mencapai matlamat ini, kaedah *historico-legal* secara mandatori menggabungkan dua cabang penyelidikan yang saling melengkapi. Cabang pertama ialah sejarah perundangan 'dalaman' (*internal legal history*) yang merupakan suatu bentuk analisis doktrinal terhadap teks undang-undang, prinsip, dan peraturan itu sendiri. Ia meneliti evolusi konsep perundangan dan ideologi yang dipegang oleh para pengamal undang-undang seperti hakim dan peguam (Ibbetson 2005). Dalam konteks kajian ini, data 'dalaman' terdiri daripada teks primer seperti Hukum Kanun Pahang, fasal-fasal dalam Perjanjian 1887, Perjanjian 1888, dan Persetiaan Persekutuan 1895, serta peruntukan-peruntukan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang moden.

Cabang kedua ialah sejarah perundangan 'luaran' (*external legal history*) yang merupakan kajian mengenai undang-undang sebagai amalan dan institusi dalam konteks sosial, politik dan ekonomi yang lebih luas. Ia meneliti institusi seperti mahkamah atau majlis mesyuarat, peristiwa seperti rundingan atau pemberontakan, dan faktor-faktor bukan perundangan yang mempengaruhi pembentukan dan pelaksanaan undang-undang (Ibbetson 2005). Data 'luaran' untuk kajian ini diperoleh daripada rekod pentadbiran kolonial, minit-minit Majlis Mesyuarat Negeri, sorotan literatur sejarah mengenai struktur sosial, peperangan saudara, dan tindak balas pembesar.

Kajian ini mengaplikasikan kaedah *historico-legal* dengan menunjukkan rantai sebab-akibat antara kedua-dua domain ini. Sebagai contoh, kajian ini menjejaki bagaimana data perundangan, sebagai contoh pengenalan Sistem Residen melalui Perjanjian 1888 membawa kepada data sejarah seperti Pemberontakan Pahang 1891-1895, dan bagaimana data sejarah itu pula membawa

kepada data perundangan baharu seperti penubuhan Majlis Negeri untuk meluluskan undang-undang yang memusatkan kuasa.

Jika kaedah *historico-legal* berfungsi secara utama sebagai alat pengumpulan data, jurisprudens Islam pula berfungsi secara pelengkap sebagai lensa analitikal untuk mentafsir data tersebut. "Jurisprudens Islam" merujuk kepada disiplin ilmu *fiqh*. Terdapat perbezaan penting antara dua komponen utamanya. Bagi *Usul al-Fiqh*, ia adalah metodologi atau "kaedah bagi tafsiran" untuk menerbitkan hukum daripada sumber-sumber utamanya seperti al-Quran dan Sunnah. Ia adalah "teori" perundangan. Manakala *Fiqh* merupakan hasil atau "produk" undang-undang yang terbit daripada aplikasi metodologi *usul fiqh* tersebut. Ia adalah "amalan" atau "hasil" pentafsiran. Dalam kerangka paling luas, jurisprudens Islam di sini merujuk kepada pandangan alam Islam (Acikgenc 2014; al-Attas 2015).

Analisis dalam artikel ini berpusat pada dua konsep teras yang terbit daripada jurisprudens politik Islam (*Siyasah Syar'iyah*), yang membentuk pandangan alam (*worldview*) tadbir urus Melayu prakolonial iaitu yang pertama, konsep kedaulatan tempatan. Konsep ini merujuk kepada pengiktirafan bahawa Islam adalah undang-undang tempatan bagi Kerajaan-kerajaan Melayu, seperti yang termaktub dalam kanun-kanun seperti Hukum Kanun Melaka dan diwarisi oleh Qanun Pahang.

Konsep kedua yang menjadi teras perbincangan ialah kedaulatan sebagai amanah. Konsep yang terbit daripada pandangan alam Islam ini adalah konsep falsafah yang membezakan tradisi Islam daripada tradisi kedaulatan Barat (al-Attas 2015). Dalam pandangan alam Islam, kedaulatan mutlak hanyalah milik Allah SWT (al-Attas 1977). Pemerintah, yakni Sultan atau Raja tidak memiliki kedaulatan itu secara peribadi, sebaliknya, baginda memegang kedaulatan itu sebagai satu amanah (Uthman 2024). Sultan berkedudukan sebagai '*Khalifah*' dengan tanggungjawab utama untuk menegakkan undang-undang Syariah dan menjaga kebajikan rakyat (Uthman 2015). Ini berbeza dengan konsep kedaulatan Barat yang meletakkan kuasa agung yang mutlak pada manusia atau institusi ciptaan manusia. Lensa jurisprudens ini akan digunakan untuk menyelidik peranan para pembesar Pahang merentasi tiga fasa iaitu prakolonial, kolonial dan pascakolonial.

DAPATAN

Berpadanan dengan metodologi *historico-legal*, data utama yang dikumpul terdiri daripada data bersifat perundangan sama ada data bersifat sumber primer dan sekunder. Sumber primer perundangan merujuk kepada semua undang-undang bertulis, undang-undang lazim setakat mana ia berkuat kuasa dalam suatu sempadan kuasa atau mana-mana bahagiannya, serta apa-apa adat atau amalan yang mempunyai kuasa undang-undang dalam sempadan tersebut atau mana-mana bahagiannya membentuk sumber undang-undang primer. Sumber sekunder pula termasuklah kamus undang-undang, ensiklopedia undang-undang, buku teks, artikel jurnal undang-undang, anotasi atau ulasan terhadap statut, kertas seminar, laporan Jawatankuasa Undang-undang dan dokumen kerajaan. Maklumat juga boleh diperolehi daripada penerbitan bukan akademik seperti laporan akhbar dan laman sesawang (Abdullah 2018; Ali Mohamed & Ahmad 2023; Yaqin 2018).

Oleh itu, proses penyaringan data dilakukan secara ketat dengan hanya memilih data yang benar-benar memenuhi ciri sumber primer dan sekunder perundangan yang berkaitan dengan peranan pembesar Pahang dan tema-tema yang berkaitan terutama tema kuasa pentadbiran atau politik dan Islam, dan tidak melibatkan sumber daripada disiplin ilmu lain. Sumber sejarah tulen pula hanya digunakan sebagai bahan sokongan bagi membuktikan kewujudan sesuatu sumber perundangan serta menjelaskan kesan yang terhasil daripada perundangan tersebut.

Berikut merupakan jadual sumber primer perundangan yang telah disaring mengikut fasa:

Jadual 1. Sumber primer perundangan yang telah disaring mengikut fasa

Bil.	Fasa	Sumber
1	Pra-Kolonial	Hukum Kanun Melaka Hukum Kanun Pahang (Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia) Hukum Kanun Pahang – versi kemaskini ejaan dengan struktur ayat Melayu bukan klasik. (Koleksi Arkib Negara Malaysia) Hikayat Pahang (Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia) Koleksi surat-surat Melayu (Arkib Negara Malaysia, Arkib Pahang). Genealogi / salasilah. Manuskrip Adat Temenggong
2	Kolonial	Perjanjian Pahang 1887 Perjanjian 1888 Pemasyhuran Pahang 1889 Persetiaan Persekutuan 1895 Perjanjian Perlembagaan Majlis Persekutuan 1909 Perjanjian 1911 Perjanjian 1912 Perjanjian Persekutuan 1948 Perjanjian Pahang 1948 Rekod pentadbiran kolonial (minit Majlis & laporan residen)
3	Pasca-Kolonial	Perlembagaan Persekutuan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang Akta Kerajaan Tempatan 1976

Data daripada sumber primer perundangan ini dianalisis menggunakan kerangka falsafah perundangan atau jurispruden Islam bagi menilai sumber-sumber ini menurut kerangka yang lebih dekat dengan faktor masyarakat Melayu sebagai penduduk tempatan yang terkena kesan sejarah yang panjang di Pahang. Islam, seterusnya jurispruden Islam, diujahkan sebagai aspek fitri dalam lingkungan kebudayaan dan peradaban orang Melayu (al-Attas 2011, 2015). Pemilihan suatu kerangka jurispruden dalam menilai data yang terkumpul bukanlah suatu kaedah analisis yang janggal malah telah pun digunakan dalam banyak penyelidikan kontemporari (Chand 1994; Fauzi et al. n.d.; Fauzi & Husain n.d.; Wan Husain, 2018).

Daripada tinjauan awal menerusi kaedah jurispruden ini, boleh difahami daripada data terkumpul sebagai:

1. Struktur awal pembesar dan peranannya ialah mengguna pakai Sistem Pembesar Empat Lipatan seperti yang diamalkan Kesultanan Melayu Melaka dalam Hukum Kanun Melaka. Penambahan struktur pembesar dimulakan oleh Sultan Abdul Ghafur apabila memperkenalkan HKP dan mewujudkan jawatan Orang Besar Berempat yang setia kepada sultan dan diberi kuasa memerintah di kawasan masing-masing.
2. Struktur hierarki dan peranan serta kuasa pembesar mengalami perubahan secara rasmi atau melalui perundangan bukan melalui perjanjian semata-mata tetapi lebih khusus melalui keputusan mengikat daripada Majlis Mesyuarat Negeri. Status kesahan perubahan ini bergantung kepada status kesahan Majlis Mesyuarat Negeri.
3. Walaupun sistem pembesar mengalami perubahan secara fungsi dan struktur, namun ia masih mengekalkan peranan wibawa kemasyarakatan. Hal ini berdasarkan peruntukan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang. Kerelevanan sistem pembesar dipertahankan dalam tuntutan tadbir urus demokrasi moden serta kerencaman aspek sosial semasa.

PERBINCANGAN

Institusi pembesar di Pahang, sama seperti di negeri-negeri Melayu lain, merupakan institusi teras dalam struktur pentadbiran tradisional. Namun, institusi yang dahulunya sangat penting ini kini berhadapan dengan persoalan kerelevanan yang mendesak. Pelbagai kajian telah menyoroti bahawa peranan pembesar, yang suatu ketika dahulu mengawal wilayah dan masyarakat (Adil 1972; Ahmad 2024), kini dilihat "tidak lagi jelas" dan kebanyakannya hanya berfungsi secara adat istiadat rasmi tanpa penglibatan bermakna dalam pentadbiran atau pembangunan. Kekaburan peranan ini menimbulkan persoalan asas iaitu adakah sistem ini sekadar tinggalan sejarah, atau adakah ia masih mempunyai potensi sebagai penghubung komuniti secara makro dan mikro. Persoalan relevansi kontemporari ini menjadi teras kepada keperluan mendesak untuk memahami bagaimana mula wujudnya jurang peranan ini dari melalui pendekatan pensejarahan perundangan (*historico-legal*).

Kajian ini antara lain mendapati bahawa kehilangan kuasa dan perubahan fungsi pembesar Pahang semasa era kolonial (1888–1957) bukanlah satu proses kemerosotan sosiologi yang pasif atau semula jadi. Sebaliknya, ia adalah satu pemindahan kuasa yang disengajakan, distrukturkan dan disahkan di sisi undang-undang (*de jure*), yang direka bentuk dan dikuatkuasakan melalui instrumen-instrumen perundangan kolonial. Maka sebarang usaha untuk mengembalikannya bukanlah suatu usaha yang mustahil dan bertentang secara sejarah dengan keperluan dan kehendak masyarakat Melayu.

Asal Peranan Pembesar

Sistem dan peranan pembesar di Pahang adalah beracukan Sistem Pembesar Empat Lipatan dalam Hukum Kanun Melaka yang diamalkan Kesultanan Melayu Melaka. Dokumen perundangan tersebut menetapkan tugas pembesar-pembesar utama kerajaan di samping nilai kesetiaan kepada sultan yang menjadi tradisi. Tugas dan tanggungjawab pembesar lahir daripada struktur undang-undang adat yang telah lama mengatur peranan pembesar, sebagai contoh, kuasa Syahbandar dalam mengurus pelabuhan, peraturan keluar masuk pedagang serta kawalan keselamatan sungai menurut Undang-Undang Laut Melaka (Hooker 1986; Liaw Yock Fang 1976). Di Pahang, struktur dan kuasa pembesar tetap berasaskan Hukum Kanun Pahang, adat Temenggong serta prinsip *wala'*, iaitu kesetiaan mutlak kepada pemerintah sebagai asas legitimasi kuasa (Liaw Yock Fang 1976; Ahmad Ibrahim 1992). Apabila Pahang membebaskan diri daripada pengaruh Johor, peralihan kesetiaan pembesar beralih daripada Sultan Johor kepada Bendahara Pahang sebagai pemegang legitimasi hukum dan kesetiaan politik.

Struktur pembesar Pahang kemudiannya juga berubah apabila jawatan Orang Besar Berempat dengan gelaran "Orang Kaya" diperkenalkan beserta autoriti yang dimiliki. Orang Kaya Indera Maharaja Perba (Jelai) menguasai Ulu Pahang, Orang Kaya Indera Pahlawan (Chenor), Orang Kaya Indera Shahbandar (Kuala Pahang) dan Orang Kaya Indera Segara (Temerloh). Keempat-empat pembesar ini memegang kuasa wilayah yang mempunyai autoriti politik dan pentadbiran yang kukuh dalam hierarki pemerintahan selain daripada Bendahara (Linehan 1936; Buyong Adil 1972). Melalui asas hukum adat ini, pembesar wilayah berperanan sebagai wakil sultan yang mengurus dan menyelesaikan pertikaian adat, menjatuhkan denda, mengekalkan keamanan wilayah, memungut cukai dan ufti, serta menguatkuasakan adat dan hukum syarak dalam kes-kes kecil yang boleh dikatakan bersifat *quasi-judicial* (Linehan 1936) iaitu autonomi pengadilan yang jelas dan sah dari segi adat dan undang-undang. Situasi ini mewujudkan desentralisasi kuasa dalam pemerintahan di Pahang. Autonomi yang diberikan kepada pembesar kemudiannya membawa impak yang boleh dijangka apabila Bendahara mula gagal mengawal wilayah-wilayah yang dikuasai pembesar secara efektif lalu menjadikan Pahang sebuah negeri yang bersifat terpecah-pecah dari segi pentadbiran (Linehan 1936; Buyong Adil 1972). Selain itu keluasan geografi dan ketegangan politik menyebabkan kawalan Bendahara pada peringkat pusat menjadi lemah dan tidak menyeluruh. Situasi ini memberi peluang kepada pembesar bertindak lebih berautonomi dalam mengurus hal ehwal pentadbiran dan keselamatan daerah masing-masing (Linehan 1936; Andaya & Andaya 2001). Kuasa pembesar yang diturunkan oleh Bendahara adalah berlandaskan adat pemerintahan dan dokumen perundangan sah iaitu Hukum Kanun Pahang yang mengambil acuan Hukum Kanun Melaka dari segi hal-hal jenayah

sivil, jenayah syariah dan soal keadilan raja dan pembesar (Fang 1976; Ahmad Ibrahim 1992). Namun begitu, kuasa pembesar yang terlalu kukuh secara tidak langsung menjauhkan pengaruh Bendahara di Pekan dan mula melemahkan institusi pemerintahan pusat. Bahkan ada dalam kalangan pembesar mampu memiliki lambang pemerintahan, askar dan senjata sendiri yang kemudiannya memperlihatkan dirinya sebagai individu yang mampu mencabar kedudukan Bendahara (Andaya & Andaya 2001).

Akibatnya, dari semasa ke semasa, muncul pembesar yang mula membina kekuatan dan mempunyai pengaruh kuat dalam menentukan sokongan politik kepada sultan atau mana-mana individu lain. Antaranya, muncul siri konflik kecil yang berakar daripada pertindihan autoriti adat dan wilayah antara Bendahara Pahang dan Orang Kaya Maharaja Perba Jelai (Buyong Adil 1972). Sekitar 1856–1857, persaingan Tun Mutahir dan Wan Ahmad mencetuskan konflik yang kemudiannya semakin serius menjadi Perang Saudara Pahang pada 1857 (Linehan 1936; Andaya 2016). Perang Saudara Pahang berlangsung 1857–1863 juga dikenali sebagai Perang Bendahara Pahang yang melibatkan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir dan adiknya, Wan Ahmad. Perang ini memperlihatkan kepentingan sokongan politik pembesar wilayah dalam menentukan kemenangan dan kedaulatan seorang sultan. Dalam peperangan antara Tun Mutahir dan Wan Ahmad, keduanya disokong oleh pembesar tertentu. Tun Mutahir disokong pembesar yang wilayahnya berhampiran Pekan, seperti Orang Kaya Indera Syahbandar dan Orang Kaya Indera Segara serta Orang Kaya Maharaja Perba Jelai. Namun Orang Kaya Maharaja Perba Jelai telah berpaling tadah dan menyertai Wan Ahmad. Peralihan sokongan tersebut amat memberi kesan kepada Tun Mutahir memandangkan Orang Kaya Maharaja Perba Jelai merupakan pembesar yang amat berpengaruh dan mempunyai penguasaan strategik di wilayahnya dalam mengatur strategi pertahanan dan serangan. Kelebihan yang dimiliki oleh pembesar ini mencerminkan sokongan politik bersama bantuan taktikal kepada Wan Ahmad telah memberi kelebihan kepada Wan Ahmad menguasai peperangan, seterusnya diangkat sebagai Sultan Pahang pertama era moden.

Jurang Peranan Pembesar

Dari perspektif jurisprudens Islam, Hukum Kanun Pahang telah meletakkan kerangka pentadbiran negeri berteraskan *Siyásah Shar'iyah*. Dalam kerangka ini, Sultan diletakkan bukan sekadar sebagai pemerintah berdaulat, tetapi sebagai *Khalifah* yang memegang amanah Allah S.W.T. untuk "menegakkan amar makruf nahi mungkar" dalam pemerintahannya (El-Muhammady & Ab Halim 2019). Dalam struktur *Siyásah Shar'iyah* ini, para pembesar bolehlah dikatakan berfungsi sebagai *wazir* (pembantu) atau *wakil* kepada *Uli al-amri* (Sultan). Peranan *de jure* mereka adalah untuk "membantu melaksanakan titah hukum" Sultan. Hal ini berpotensi untuk dijadikan asas pentakrifan semula peranan para pembesar daripada sekadar pentadbir adat kepada agen penguatkuasa. Mandat perundangan mereka merentasi pelbagai cabang perundangan Islam yang terkandung dalam Qanun tersebut, termasuk undang-undang jenayah, muamalat dan acara (El-Muhammady & Ab Halim 2019).

Titik tolak transformasi *historico-legal* ini ialah pada Perjanjian 1888. Berikutan tekanan politik dan ekonomi, Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah terpaksa akur melantik J.P. Rodger sebagai Residen British pertama (Hussiin & Nordin 2025). Pelantikan ini disusuli dengan satu perjanjian yang, apabila dianalisis sebagai instrumen perundangan, seolah-olah berfungsi sebagai "surat ikatan pemindahan hak". Terma-terma kritikal perjanjian ini secara *de jure* telah merombak keseluruhan struktur pemerintahan iaitu Sultan kini terikat di sisi undang-undang untuk "menerima dan bertindak mengikut nasihat Residen British".

Perubahan yang paling kritikal dari segi jurisprudens datangnya daripada "klausa pengecualian" (*exception clause*) dalam perjanjian tersebut. Klausa ini menetapkan bahawa nasihat Residen mesti dipatuhi dalam "semua urusan pentadbiran kerajaan" kecuali "hal-ehwal agama Islam dan adat Melayu". Analisis *historico-legal* boleh mentakrifkan klausa ini sebagai satu campur tangan perundangan yang strategik. Klausa ini bukanlah satu konsesi British untuk melindungi Islam. Sebaliknya, ia adalah satu strategi jurisprudens yang licik untuk mentakrifkan semula Islam, mengasingkannya dan dengan itu meneutralkan ia sebagai sumber kuasa politik.

Proses campur tangan ini bermula secara efektif dengan memecahkan mandat yang dinikmati oleh pembesar di bawah Qanun Pahang seterusnya mengklasifikasikan semula (*re-classified*) semua fungsi teras pemerintahan seperti kuasa kehakiman (sivil dan jenayah), fiskal (kutipan cukai) dan eksekutif (pentadbiran wilayah) dan akhirnya seluruh domain pentadbiran kerajaan ini diletakkan secara sah di bawah kuasa Residen British. Dengan memberi domain agama dan adat kepada pembesar, pihak British secara bijak telah membataskan peranan mereka dalam satu kategori yang baru sahaja dikosongkan daripada semua kuasa pentadbiran yang sebenar. Inilah titik permulaan *de jure* kepada jurang peranan dan peranan adat istiadat rasmi yang dikenal pasti. Akibat langsungnya ialah Qanun Pahang, tidak lagi dijadikan rujukan utama dalam mahkamah sivil dan jenayah yang baru ditubuhkan, sekaligus menghakis asas jurisprudens kuasa pembesar.

Konflik perundangan dan sejarah ini mencapai kemuncaknya dalam tindak balas perundangan British. Pihak British menggunakan kerangka undang-undang baharu mereka untuk mendesak Sultan (yang kini terikat secara sah oleh Perjanjian 1888) untuk melucutkan gelaran Dato' Bahaman (Mujani et al. 2014). Istilah "penderhaka" itu sendiri adalah satu tafsiran atau binaan perundangan (*legal construction*) yang telah dialihkan oleh British. Dalam Qanun Pahang, "derhaka" bermaksud menggugat Sultan (Harun 2008). Dato' Bahaman tidak menggugat Sultan; beliau menggugat Residen, dan boleh dihujahkan sedang melaksanakan undang-undang Sultan yakni Qanun Pahang.

Namun, Perjanjian 1888 seolah-olah telah menyamakan autoriti Residen dengan autoriti Sultan yakni nasihat Residen ialah titah Sultan. Oleh itu, apabila Dato' Bahaman mencabar Residen, British dapat mentafsirkannya secara perundangan sebagai mencabar Sultan. Pelucutan gelaran itu adalah penguatkuasaan *de jure* tafsiran baharu ini. Sultan Ahmad, yang direkodkan "bersimpati secara senyap" terhadap perjuangan pembesar, terperangkap. Baginda terpaksa, di bawah paksaan undang-undang Perjanjian 1888, untuk melabelkan seorang pembesar (yang sedang mempertahankan sistem legaliti asal) sebagai "penderhaka" di bawah undang-undang kolonial yang baharu (Mujani et al. 2014).

Kekalahan pemberontakan pada tahun 1895, disusuli dengan penyertaan Pahang ke dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, memuktamadkan transformasi *historico-legal* sistem pembesar. Persekitaran Persekutuan 1895 secara sah mewujudkan pentadbiran berpusat di bawah Residen-Jeneral, mengurangkan lagi kuasa Majlis Mesyuarat Negeri Pahang. Strategi kolonial ini bukanlah suatu bentuk penghapusan, tetapi lebih kepada *functional co-optation*. British tidak menghapuskan institusi pembesar, kerana mereka memerlukan legitimasi dan kestabilan. Sebaliknya, mereka mengupahnya semula untuk melakukan kerja yang berbeza. Elaun dan pencen yang ditawarkan lebih tepat difahami bukan sebagai pampasan persaraan, tetapi sebagai gaji kontrak untuk peranan baharu.

Potensi Pembaharuan Peranan

Jelas bahawa struktur pentadbiran moden di Pahang tidak wujud secara selari dengan sistem pembesar tradisional, sebaliknya dibina untuk menggantikan fungsi pentadbiran pembesar pada era prakolonial. Bidang kuasa eksekutif yang sebelum ini dijalankan oleh pembesar telah dipindahkan kepada Pegawai Daerah kolonial dan kini diteruskan oleh Pegawai Daerah serta Pentadbir Tanah (Ngah & Mustaffa 2014). Justeru, usaha mengembalikan kuasa pentadbiran tradisional pembesar bukan sahaja bakal mewujudkan pertindihan fungsi, malah mencabar *raison d'être* dan mandat perundangan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah yang berasaskan profesionalisme serta meritokrasi. Sebarang pelantikan pembesar untuk melaksanakan tugas pentadbiran moden akan merosakkan kedua-dua sistem kerana ia bercanggah dengan prinsip meritokrasi dan akauntabiliti. Oleh itu, pembaharuan tidak wajar berbentuk pemulihan fungsi lama, tetapi dicadangkan untuk difokuskan kepada pewujudan mandat baharu yang sesuai dengan realiti kontemporari.

Sesuai dengan kaedah juriprudens Islam yang mengandungi aspek *Siyasah Syar'iyah* yang menganggap penjagaan alam sekitar sebagai salah satu elemen terpenting dalam pentadbiran dan pemerintahan negara dan negeri, cabaran kontemporari seperti cabaran perubahan iklim wajar dicadangkan sampel perbincangan bagi melihat kewajaran awalan bagi pewujudan mandat baharu ini. Dalam konteks perubahan iklim, wujud jurang tadbir urus yang ketara antara data saintifik makro dan realiti mikro di komuniti (Fernández & Peek 2020; Gutierrez-Schieferl 2025; Nik Ahmad 2024).

Menurut pelbagai literatur, antara pendekatan utama yang dikatakan berpotensi untuk menangani cabaran ini ialah melalui pendekatan Penyesuaian Berasaskan Komuniti (*Community-Based Adaptation*) (Barrowman & Butler 2020; Basel et al. 2020). Walau bagaimanapun pelaksanaannya sering terhalang oleh sebab tiga jurang utama iaitu sama ada berlakunya jurang pengetahuan, data setempat, atau pelaksanaan di peringkat PBT dan komuniti.

PBT, bersama PLAN Malaysia dan agensi lain, cekap mengurus data teknikal tetapi sering gagal menangkap konteks tempatan yang penting untuk adaptasi iklim. Di sinilah peranan baharu pembesar boleh dirangka. Mereka mempunyai pengetahuan geografi setempat yang tidak didokumentasi secara formal seperti sejarah banjir, laluan sungai asal dan maklumat adat yang boleh mengisi kekosongan data tempatan dalam proses perancangan. Model integrasi yang dicadangkan menempatkan pembesar sebagai ahli *ex-officio* dalam jawatankuasa perancangan PBT seperti Jawatankuasa Semakan Rancangan Tempatan, khususnya apabila wilayah tradisional pembesar selari dengan sempadan pentadbiran PBT. Peranan mereka bukan menggugat kuasa birokrasi, tetapi memperkukuhnya melalui input kearifan tempatan dan peranan sebagai penghubung masyarakat. Pembesar juga berpotensi untuk dilibatkan secara langsung dalam kebanyakan sesi pendengaran awam dan konsultasi komuniti, yang seterusnya diyakini mampu meningkatkan kepercayaan masyarakat dan memperbaiki kadar penyertaan yang sebelum ini rendah akibat kekangan birokrasi atau tahap kesedaran yang rendah. Wibawa tradisional pembesar memberikan sokongan moral dan simbolik kepada proses pentadbiran moden, sekali gus membolehkan PBT memperoleh maklum balas komuniti yang lebih tepat.

Secara keseluruhan, integrasi pembesar dalam perancangan PBT berpotensi menyatukan wibawa tradisi dan demokrasi. Pendekatan ini menunjukkan bagaimana institusi tradisional masih mempunyai nilai strategik dalam pembangunan moden dan boleh disesuaikan dengan keperluan semasa tanpa mengganggu struktur pentadbiran sedia ada.

KESIMPULAN

Kajian ini mengukuhkan kefahaman bahawa evolusi institusi pembesar di Pahang tidak boleh dinilai hanya melalui peristiwa sejarah atau tafsiran sosiologi semata-mata, tetapi sesuai untuk dinilai melalui proses dan instrumen perundangan yang membentuknya. Pendekatan *historico-legal* membuktikan bahawa perubahan signifikan terhadap kedudukan dan kuasa pembesar berlaku melalui pelbagai perjanjian dan perundangan kolonial yang dirangka secara sistematik, bermula dengan Perjanjian 1887 dan Perjanjian 1888 yang mewajibkan Sultan untuk menerima nasihat Residen British. Instrumen perundangan kolonial ini bukan sahaja menstrukturkan semula pentadbiran negeri, tetapi turut memindahkan kuasa pembesar secara sah daripada ruang politik kepada ruang adat dan agama yang dibataskan. Hal ini menandakan bahawa jurang peranan pembesar yang wujud pada hari ini adalah hasil suatu proses kolonisasi undang-undang (*legal displacement*), dan bukan disebabkan keusangan institusi tersebut.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa walaupun institusi pembesar mengalami pengurangan kuasa secara drastik pada era kolonial, ia tetap mengekalkan wibawa kemasyarakatannya yang tinggi dan kini berfungsi sebagai pelengkap sistem Raja Berperlembagaan. Dalam era pasca-kolonial, pembesar memainkan peranan simbolik, adat, dan istiadat yang penting, termasuk sebagai jambatan penghubung antara istana dan rakyat. Walaupun kuasa eksekutif telah beralih kepada kerajaan pilihan raya, wibawa tradisi pembesar kekal penting dalam mempertahankan kesinambungan sejarah, adat Melayu serta identiti negeri.

Dalam konteks kontemporari yang dicirikan cabaran seperti perubahan iklim dan isu tadbir urus mikro-komuniti, artikel ini mencadangkan bahawa institusi pembesar boleh diberikan mandat baharu yang relevan tanpa menjejaskan struktur pentadbiran moden. Pembesar boleh memainkan peranan dalam memperkukuh pelaksanaan penyesuaian berasaskan komuniti melalui fungsi penghubung masyarakat, penyumbang data setempat serta penyertaan dalam proses perancangan PBT. Peranan ini tidak menggugat meritokrasi birokrasi, sebaliknya melengkapkan kekurangan yang wujud dalam aspek keterlibatan dan kearifan setempat.

Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa institusi pembesar tidak harus dilihat sebagai peninggalan sejarah yang tidak relevan, tetapi sebagai satu aset budaya-politik yang mempunyai potensi untuk diintegrasikan ke dalam tadbir urus moden. Dengan pemahaman yang tepat melalui kerangka *historico-legal* dan jurisprudens Islam, pembesar dapat memainkan peranan strategik dalam isu-isu semasa, serta menyumbang kepada pembinaan tadbir urus negeri yang lebih holistik, adaptif dan berpaksikan tradisi tempatan yang sah. Artikel ini menyumbangkan suatu asas teoretikal yang kukuh untuk kajian lanjutan mengenai transformasi institusi tradisional dalam konteks perundangan dan kerajaan moden.

PENGHARGAAN

Para penulis menyatakan penghargaan kepada Institut Ilmu Darul Makmur Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang atas penganugerahan Geran Penyelidikan IIDM-MUIP 2025 bertajuk '*Sistem Pembesar di Pahang : Analisis Sejarah, Transformasi Institusi dan Relevansi Kontemporari*'. Penulisan artikel ini merupakan sebahagian output kajian geran penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abd Jalal, A. F., Abdul Rahim, R. A., & Awang Pawi, A. A. 2022. Manuskrip Hukum Kanun Pahang: Antara Kepentingan Dan Kritikan Sarjana Kolonial. *Jurnal Melayu Sedunia* 5.
- Abdul Halim El-Muhammady & Asma Hakimah Ab. Halim. 2019. *Qanun Pahang Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah (1592-1614M)*. Penerbit UKM: Bangi.
- Abdul Majid, M. M. 2023. *Malaysia Negara Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdullah, N. C. 2018. *Legal Research Methodology*. Petaling Jaya: Thomson Reuters Asia Sdn Bhd.
- Acikgenc, A. 2014. *Islamic : scientific tradition in history*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Adil, B. 1972. *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Adnan, H. Awang Pawi, A.A, Abdul Jalal, F.A. & Abdul Rahim, R.A. 2021. *Istiadat Pertabalan Diraja sebagai Mekanisme ke Arab Sistem Pemerintahan Berdaulat* 20(2): 182–202.
- Ahmad Ibrahim. 1992. *Undang-undang Melayu: Tradisi dan perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ahmad Sarji Abdul Hamid (Ed.). 2011. *Institusi Raja dan Kesultanan Melayu*. Petaling Jaya: MPH Publishing.
- Ahmad, A. T. 2024. *Sejarah Negeri Pahang hingga 1945*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ahmad, S. 2016. Politik Melayu Pahang dari Tahun 1955 hingga 1984. Tesis Sarjana Universiti Sains Malaysia.
- al-Attas, S. M. N. 1977. *Islam : Fahaman Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- al-Attas, S. M. N. 2011. *Historical fact and fiction*. Kuala Lumpur: Penerbit UTM Press.
- al-Attas, S. M. N. 2015. *On Justice and the Nature of Man : A Commentary on Surah al-Nisa' (4):58 and Surah al-Mu'minin (23):12-14*. IBFIM : Kuala Lumpur.
- Alauddin, B.S. 2024. Kolokium Daulat Tuanku: Kepimpinan Tradisional Dalam Institusi Kesultanan Melayu. *Sejarah Dan Peranan Pembesar Dalam Kesultanan Pahang*.
- Ali Mohamed, A. A., & Ahmad, M. H. 2023. *Legal Method*. Petaling Jaya: Thomson Reuters Asia Sdn Bhd.
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. 2001. *A history of Malaysia* (2nd ed.). London: Palgrave Macmillan.
- Andaya, L. Y. 2010. *Leaves of the same tree: Trade and ethnicity in the Straits of Melaka*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Andaya, L. Y. 2016. Kingship and authority in Malay history. In *Malaysia: Selected historical readings*. Singapore: NUS Press.
- Badli Shah, A. R. 2024. *Sejarah dan peranan pembesar dalam Kesultanan Pahang*. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Barnard, T. P. 2003. *Multiple centres of authority: Society and environment in the Straits of Melaka*. Singapore: NUS Press.
- Barrowman, H. M., & Butler, J. R. A. 2020. *Beyond Challenges in Community-Based Adaptation: Critical Insights from the Human Ecology Framework*.

- Basel, B. P., Goby, G., & Johnson, J. 2020. *Community-based adaptation to climate change in remote villages of Western Province, Solomon Islands*. <https://www.elsevier.com/open-access/userlicense/1.0/>
- Buyong Adil. 1972. *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Chand, H. 1994. *Modern Jurisprudence*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- El-Muhammady, A. H., & Ab Halim, A. H. 2019. *Qanun Pahang Zaman Pemerintah Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah (1592-1614M)*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fauzi, W. A., & Husain, W. 2021. Watanic Jurisprudence: Articulating The Legitimate Elements Of The Basic Structure Of The Federal Constitution. *IIUM Law Journal* 29(1): 1-28.
- Fauzi, W. A., Husain, W., & Hamzah, A. H. 2022. Jurisprudens Watan: Suatu Pengenalan Prinsip Tadbir Urus Yang Baik Dilihat Melalui Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 218–231.
- Fernández, C. G., & Peek, D. 2020. Smart and sustainable? Positioning adaptation to climate change in the european smart city. *Smart Cities* 3(2): 511–526.
- Gopinath, A. 1991. *Pahang 1880-1933 : A Political History*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Gullick, J. M. 1994. *Ruler and realm in early Malay states*. London: Oxford University Press.
- Gullick, J. M. 1998. *Indigenous political systems of the Malay Peninsula*. London: Oxford University Press.
- Gutierrez-Schieferl, Sean. 2025. Rethinking climate change solutions: moving beyond the constraints of international legal instruments, making ESG priority in climate change strategies. *Suffolk Transnational Law Review* 48(1): 23–65.
- Harun, J. 2008. *Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hooker, M. B. 1986. *A concise legal history of Southeast Asia*. London: Oxford University Press.
- Hooker, M. B. 2008. *Indonesian Islam: Social change through contemporary fatawa*. Sydney: Allen & Unwin.
- Hussein, H., & Nordin, M. 2025. *Pahang pada Era British : Perubahan Sosial dan Ekonomi 1888-1957*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.
- Ibbetson, D. 2005. Historical Research in Law. In M. Tushnet & P. Cane (Eds.), *The Oxford Handbook of Legal Studies*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ibrahim, H. 2011. *The Sovereign and His Subjects Inseparable*. Kuala Lumpur: MPH Group Printing (M) Sdn Bhd.
- Liaw Yock Fang. 1976. *Undang-undang Melaka dan Undang-undang Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Linehan, W. 1936. A history of Pahang. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 14(2): 1–228.
- Maidin, Z. 1997. *Tun Razak: Jejak Bertapak Seorang Patriot*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd :
- Md Pauzi, S.R, Othman, Z.S, Syed Hamid, S.S. 2014. International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS 2014). *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang: Raja Pemerintah Sebagai Simbol Kuasa Dan Kedaulatan Negeri* : 1-11.
- Milner, A. C. 1982. *Kerajaan: Malay Political Culture On The Eve Of Colonial Rule*. Tucson: University of Arizona Press.
- Milner, A. C. 2011. *The Malays*. Oxford: Wiley-Blackwell.
- Mohd Firdaus Abdullah. 2014. *Pentadbiran Tradisional Melayu: Pemerintah, Pembesar dan Institusi Adat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mujani, W. K., Ismail, A. S., Resad, I. S. A. M., & Shah, N. Z. 2014. Sultan Ahmad: The dilemma between the local rebels and British colonialists in Pahang at the end of the 19th century. *Asian Social Science* 10(3): 205–210.
- Ngah, K., & Mustaffa, J. 2014. *Abli Majlis dan Kerajaan Tempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nik Ahmad, N. N. 2024. *Saving the Planet: Climate and Environmental Lessons from Malaysia and Beyond*. London: Penguin Books.
- Reid, A. 2015. *A history of Southeast Asia: Critical crossroads*. Oxford: Wiley-Blackwell.
- Roff, W. R. 1974. *The Origins Of Malay Nationalism*. New Haven: Yale University Press.
- S. Muhammad Yusoff (Ed.). 2001. *Hukum Kanun Melaka: Teks dan Anotasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

- Samsudin, M. 2022. *Majlis Raja-Raja Melayu: Perkembangan dan Cabaran* (M. Samsudin, Ed.). Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Suzana Othman. 2001. *Mencari Sejarah Tun Mutahir Tun Ali Bendahara Seri Maharaja Pahang (1857-1863)*. Kuala Lumpur: Pustaka BSM.
- Suzana Othman. 2007. *Perang Bendahara Pahang 1857-1863*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Thio, E. 1957. The Extension of British Control to Pahang. *Source: Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* (30)1.
- Tuanku Jaafar, W. J. 2024. *Evolusi Parlimen dan Evolusi Speaker Parlimen Malaysia* (Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Uthman, M. Z. 2015. *Bunga Rampai Bangsa, Kebangsaan & Patriotisme*. CASIS-UTM dengan kerjasama Akademi Kenegaraan BTN : Kuala Lumpur.
- Uthman, M. Z. 2024. *Hall Al-Zill*. Kuantan: .Al-Sultan Abdullah History & Civilisation Research Centre.
- Wan Husain, W. A. F. 2018. *Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, Governan & Prinsip Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Abad Sinergi Sdn. Bhd.
- Yaqin, A. 2018. *Legal Research and Writing* Kuala Lumpur: LexisNexis Malaysia.
- Zainal Abidin Ahmad. 1965. *The Origins of Malay Nationalism*. Oxford: Oxford University Press :